

05 MAR 1998

KERAJAAN AKAN TAMBAH MODAL KE DALAM BANK BUMI

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan menyuntik modal baru ke dalam Bank Bumiputra Malaysia Bhd jika ia perlu berbuat demikian.

Bank Bumiputra, bank kedua terbesar di negara ini dan ekuiti majoritinya dimiliki kerajaan, memerlukan suntikan modal sebanyak RM750 juta untuk kekal bergerak mengikuti matlamatnya.

Tetapi Dr Mahathir berkata, "apa juga kerajaan lakukan untuk membantu Bank Bumiputra, ia akan dituduh membuat langkah menyelamat atau jaminan."

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Kayu Kayan Antarabangsa di sini hari ini, katanya masalah-masalah di Bank Bumiputra dan Sime Bank -- bank keenam terbesar di negara ini yang memerlukan suntikan modal sebanyak RM1.2 bilion, bukan disebabkan kesilapan mereka tetapi kerana penurunan nilai matawang akibat krisis matawang serantau.

Dr Mahathir berkata jika kerajaan menyuntik dana ke dalam Bank Bumiputra, ia bukanlah satu jumlah berlebihan sehingga membolehkannya mencatatkan keuntungan.

"Kita semata-mata cuba mengekalkannya supaya ia mempunyai peluang untuk pulih," dan para penyimpannya tidak menanggung kesulitan, jelas beliau.

Ditanya sama ada kerajaan akan mempercepatkan penswastaan Bank Bumiputra disebabkan masalahnya, katanya itu bukanlah pilihan yang wajar buat sementara waktu ini kerana ini hanya akan membebankan sektor swasta.

"Oleh kerana ia adalah sebuah bank kerajaan pada ketika ini, kita tidak boleh lepaskan tanggung jawab kepada sektor swasta kerana ada kos kepada mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata masalah-masalah di Bank Bumiputra dan Sime Bank Bhd, bukan disebabkan kelemahan pengurusan tetapi penurunan nilai matawang dan saham serantau oleh spekulator.

"Mereka adalah institusi-institusi yang mantap sebelum ini tetapi apabila kekuatan kewangan mereka tergugat, maka dengan cara semula jadi mereka akan terjejas."

Dr Mahathir juga berkata bahawa beliau sedar terhadap "banyak orang" yang mahu Malaysia menutup bank-banknya (tempatan).

Mengenai sama ada keadaan paling buruk telah berlalu bagi institusi-institusi kewangan tempatan, Dr Mahathir berkata, "saya fikir kita telah pulih memandangkan tidak ada lagi pengaliran keluar dana-dana dari Malaysia ke negara-negara lain untuk disimpan di sana. Tidak ada juga banyak pergerakan (dana-dana) daripada bank-bank tempatan ke bank-bank asing."

Sungguhpun pengaliran masuk dana tidaklah sebanyak seperti yang diharapkan kerajaan, namun jumlah dana mengalir semula masuk telah menyebabkan kadar faedah yang lebih rendah, kata Dr Mahathir.

Beliau menyeru rakyat Malaysia, yang menyimpan tabungan mereka di bank-bank asing terus membawanya balik ke bank-bank tempatan supaya bank-bank Malaysia tidak terpaksa mengenakan kadar faedah yang lebih tinggi kerana perlu meminjam daripada bank-bank asing.

Pada satu ketika, katanya institusi-institusi kewangan Malaysia dikenakan kadar faedah sebanyak lebih daripada berganda kadar berian pinjaman asas yang ada oleh institusi-institusi kewangan asing.

Menjawab satu soalan, Dr Mahathir berkata sungguhpun pengujudan margin keuntungan institusi-institusi kewangan adalah mengikut budibicara mereka sendiri, adalah sihat bagi ekonomi jika mereka mengenakan bayaran yang

kurang kepada para pelanggan. -- BERNAMA
AD OS